

CNS2950

U GB 30-04 00169 BA948

bah

Mahathir - Pekerja (EMBARGO : Untuk Siaran Selepas 5 petang ini)
KERAJAAN AKAN LINDUNGI KEPENTINGAN PEKERJA DAN MAJIKAN, PM

KUALA LUMPUR, 30 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini memberi jaminan bahawa kerajaan akan melindungi kepentingan pekerja dan memastikan majikan sentiasa bersikap adil kepada mereka.

Atas dasar yang sama, Perdana Menteri berkata kerajaan bertanggungjawab memastikan kepentingan majikan dihormati oleh pekerja.

"Majikan tidak boleh meraih keuntungan tanpa pekerja, dan pekerja pula tidak akan dapat pekerjaan tanpa majikan," katanya dalam perutusan Hari Pekerja, yang akan disambut di seluruh negara esok.

Berdasarkan hakikat itu, Perdana Menteri menasihatkan supaya pekerja dan majikan tidak mengambil sikap berkonfrantasi untuk menyelesaikan masalah mereka.

"Berkonfrantasi bukan cara dan budaya kita untuk menyelesaikan masalah. Konfrantasi hanya akan mengeruhkan lagi suasana dan keadaan," kata Dr Mahathir.

Menurut beliau cara paling baik bagi menyelesaikan sebarang masalah di antara pekerja dan majikan ialah melalui rundingan yang memerlukan tolak ansur kedua-dua pihak. -- Lagi

▼30/04/16-47MST

CNS2956

U GB 30-04 00136 BA949

bah

Mahathir - Pekerja 2 Kuala Lumpur

Perdana Menteri berkata kerajaan akan sentiasa bersikap adil dalam menyelesaikan pertikaian antara pekerja dan majikan.

Ketika menasihati pekerja supaya mengekalkan keharmonian perusahaan, Dr Mahathir berkata Malaysia patut belajar daripada pengalaman beberapa negara maju yang melalui tindakan perusahaan yang tidak bertanggungjawab oleh pekerja mereka, mengakibatkan kos pengeluaran meningkat.

Kesannya, menurut beliau, bukan saja hasil barangan keluaran mereka tidak boleh bersaing, tetapi prestasi ekonomi mereka juga turut terjejas.

"Pengangguran meningkat sehingga 20 peratus dan ramai yang tidak berumah. Apabila ini berlaku sukar bagi negara-negara ini untuk memulihkan semula ekonomi mereka," katanya.

Demi masa depan negara dan kepentingan pekerja, Dr Mahathir berkata persefahaman dan kerjasama antara kerajaan, majikan dan pekerja amatlah penting dan ia perlu dipupuk dan ditingkatkan. -- Lagi

▼30/04/16-50MST

CNS2959

U GB 30-04 00121 BA950

bah

Mahathir - Pekerja 3 Kuala Lumpur

Katanya, persefahaman dan kerjasama yang wujud antara ketiga-tiga pihak itu telah membantu mewujudkan keharmonian perusahaan di negara ini.

Ini bukan saja membolehkan kerajaan menumpukan usaha terhadap pembangunan ekonomi, tetapi juga mendorong pelabur melabur di Malaysia.

"Para pekerja harus sedar bahawa untuk Malaysia terus maju dan menikmati pertumbuhan yang menggalakkan, keharmonian dan keamanan perusahaan negara ini perlu dikekalkan.

"Sebarang pertikaian perusahaan akan mengancam daya saingan negara. Jika ini berlaku negara dan para pekerja tetap akan rugi," katanya.

Sempena Hari Pekerja, Perdana Menteri menyarankan agar mereka meningkatkan azam dan usaha untuk menjadikan cita-cita Malaysia menjadi negara maju menjelang tahun 2020 satu kenyataan. -- Lagi

▼30/04/16-55MST

CNS2961

U GB 30-04 00096 BA951

bah

Pekerja - Mahathir 4 (akhir) Kuala Lumpur

"Marilah kita meningkatkan azam dan sama-sama berusaha bersungguh-sungguh untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju yang dihormati dan disanjung.

"Kita mempunyai lebih kurang 27 tahun saja untuk mencapai taraf negara maju. Matlamat ini hanya akan tercapai jika pekerja turut memainkan peranan yang berkesan," kata Dr Mahathir.

Di samping menentukan suasana pelaburan negara sentiasa baik, beliau berharap pekerja berusaha untuk meningkatkan kecekapan dan produktiviti supaya hasil barangan negara akan terus dapat bersaing di pasaran dunia. --
Bernama

AZG MIB

▼30/04/16-55MST